

PERBANDINGAN KATA KERJA DALAM DIALEK MELAYU KEDAH DENGAN BAHASA MELAYU STANDARD.

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan perbandingan kata kerja dalam dialek Melayu Kedah dengan Bahasa Melayu Standard dengan berfokuskan kepada apakah jenis-jenis kata kerja yang digunakan dalam dialek Langgar dan bagaimanakah cara menganalisis kata kerja dalam dialek Langgar. Pengkaji memfokuskan kajian ini di Langgar, satu daerah yang pesat membangun di Kedah. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti serta mengetahui perbezaan kata yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah yang difokuskan kepada dialek Melayu Kedah di Langgar yang berlokasi di Alor Ketar, Kedah dengan bahasa Melayu Standard berdasarkan kepada aspek-aspek linguistik seperti analisis sintaksis terhadap perkataan yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kata kerja yang digunakan dalam dialek Langgar dan menganalisis kata kerja dalam dialek Langgar menggunakan Kerangka Minimalis bahasa Melayu Standard. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual, iaitu menemu bual beberapa orang penduduk yang tinggal di Langgar. Dapatan kajian mendapati 15 perkataan kata kerja dalam dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu baku dipercayai boleh mendatangkan kekaburan bunyi kepada bukan penutur asli dialek Melayu Kedah, namun menetap di Langgar, Kedah. Melalui kajian ini, dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang perkataan atau kata yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah yang memiliki makna serta sebutan yang berbeza dengan bahasa Melayu Standard. Seterusnya, adalah untuk menghuraikan makna kata atau dalam dialek Melayu Kedah yang memiliki makna yang sedikit berbeza dengan makna dalam bahasa Melayu Standard.

Kata kunci: Dialek Melayu Kedah, bahasa Melayu Standard, kata kerja

COMPARISON OF VERBS IN KEDAH MALAY DIALECT WITH STANDARD MALAY LANGUAGE.

ABSTRACT

This study is related to the comparison of verbs in the Kedah Malay dialect with Standard Malay by focusing on what types of verbs are used in the Langgar dialect and how to analyze verbs in the Langgar dialect. The researcher focused this study on Langgar, a rapidly developing district in Kedah. This study was conducted to identify and know the differences of words found in the Kedah Malay dialect which is focused on the Kedah Malay dialect in Langgar located in Alor Ketar, Kedah with Standard Malay based on linguistic aspects such as syntactic analysis of words found in the Malay dialect Kedah. The objective of this study is to identify the types of verbs used in the Langgar dialect and analyze the verbs in the Langgar dialect using the Standard Malay Minimalist Framework. The researcher used the interview method, which is to interview some residents who live in Langgar. The findings of the study found that 15 verb words in the Kedah Malay dialect and the standard Malay language are believed to cause sound ambiguity to non -native speakers of the Kedah Malay dialect, but living in Langgar, Kedah. Through this study, can provide exposure to the community about the words or words found in the Kedah Malay dialect that have different meanings and pronunciations from the Standard Malay language. Next, is to describe the meaning of the word or in the Kedah Malay dialect which has a meaning that is slightly different from the meaning in Standard Malay.

Keywords: Kedah Malay dialect, standard Malay language, verbs

PENGENALAN

DIALEK

Perkataan ‘dialek’ berasal daripada bahasa Yunani iaitu ‘dialektos’ iaitu perkataan yang pada mulanya digunakan dalam hubungannya dengan bahasa Yunani pada waktu itu. Dialek ialah variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang standard/ baku dari segi sebutan, tatabahasa, dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Dialek selalunya digunakan dalam situasi formal atau rasmi, namun terdapat kecenderungan pengguna bahasa yang mencampurkan unsur dialek dalam penggunaan pada situasi formal.

Faktor-faktor yang menimbulkan dialek terdiri daripada faktor-faktor geografis, politik, penjajahan, perdagangan, masa, dan seumpamanya. Faktor politik contohnya telah membahagi-bahagikan negara ini kepada unit-unit politik yang lebih kecil yang mewujudkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, dan Kelantan, yang akhirnya menimbulkan pelbagai dialek.

Kajian-kajian dialek sememangnya merupakan suatu kajian bahasa yang menarik untuk diterokai. Hal ini terbukti berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas yang mendeskripsikan sesebuah kajian dialek dalam pelbagai kaedah (Fazal Mohamed & Noriati, 2017; Sakinah Nik & Fazal Mohamed, 2016). Istilah dialek berasal daripada perkataan Yunani dialektos iaitu ‘manner of speech’. Dialek adalah variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu dan di kawasan tertentu yang melampaui sempadan politik. Walaupun wujudnya perbezaan dialek di kawasan-kawasan tersebut, tetapi kadar kesalingfahaman terhadap semua dialek adalah tinggi. Malah

penyebaran semua dialek masih menunjukkan kesinambungan yang ketara walaupun sebutannya berbeza (Meillet, 1967).

Dialek sebagai satu sub-bahasa yang mewakili bahasa tuturan sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Asmah, 1985). Collins (1986) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Tambahnya lagi, ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu dan dalam suasana sosial tertentu. Keterwakilan dialek yang dibentuk bagi sesebuah Kawasan adalah berbeza dari suatu komuniti dengan komuniti yang lain. Buktinya, di Malaysia terdapat pelbagai dialek mengikut daerah seperti yang dikemukakan oleh Asmah (1985). Hal ini turut sama diujahkan oleh Mario & Gaynor (1960) dan Abdul Hamid Mahmood (1993) yang menyatakan bahawa dialek merupakan bentuk khusus sesuatu bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur di daerah tertentu atau di kawasan geografi tertentu.

Dialek di semenanjung Malaysia memiliki kepelbagaiannya yang tersendiri. Oleh itu, dialek Kedah merupakan salah satu daripada ciri dialek yang terdapat di semenanjung Malaysia. Tambahan pula, dialek kedah ini dikatakan sebagai sebuah bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, malah turut dituturkan dari negeri Perlis sehingga ke negeri Perak Utara (Asmah Hj Omar, 2008). Dialek Kedah ini dapat memperlihatkan beberapa ciri linguistik yang berbeza daripada dialek-dialek Melayu lain serta bahasa Melayu baku.

Idris & Mohammed Azlan (2016) berpendapat bahawa dialek sering dianggap sebagai satu bentuk bahasa yang berstatus rendah dan bersifat kedesaan. Namun begitu, ada juga ahli bahasa berpendapat bahawa dialek ialah kelainan bahasa yang mempunyai sistem bahasanya tersendiri. Terdapat kekurangan kajian yang meneliti kata kerja bantu dalam dialek Melayu Kedah. Salah satu daripada kajian yang berkaitan dengan dialek Melayu Kedah ialah kajian yang menumpukan kepada kata soal oleh Fazal Mohamed, Nor Hashimah, Zaharani, dan Harishon (2011). Kata soal yang dibincangkan oleh mereka adalah tentang kata soal tertutup dan terbuka serta sifat in situ dan pergerakan kata soal yang dianalisis menggunakan kerangka Minimalis.

Kajian Mohd Ra'in Shaari (2009) memfokuskan kajiannya kepada kata kerja bantu bahasa Melayu yang pada amnya penulisan tentangnya telah banyak dihasilkan. Beliau membincangkan mengenai kata kerja modal dan aspek secara umum dan tidak menganalisisnya menggunakan teori. Berpandukan kajian Fazal Mohamed, Nor Hashimah, Zaharani, dan Harishon (2011), kajian ini dilakukan kerana terdapat kelompangan dalam penelitian kata kerja bantu dalam bahasa Melayu. Selain itu, pengklasifikasian kata kerja bantu dialek Melayu Kedah turut dititikberatkan dalam kajian ini kerana kajian lepas hanya memfokuskan pada kata kerja bantu modal sahaja.

Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (1998) mengatakan bahawa kajian dialek dimulakan oleh Georg Wenker di Jerman pada tahun 1879. Dalam kajian tersebut, beliau telah menghasilkan satu atlas linguistik yang pertama dengan tajuk *Sprachatlas Des Deutshen Reichs*. Kemudian diikuti oleh Jules Gilleron yang membuat tinjauan linguistik di Perancis dan telah menerbitkan buku “Atlas linguistique De La France” dalam tiga belas jilid. Seterusnya diikuti dengan usaha yang dilakukan di Amerika dan Britain. Pada amnya, kelainan ini dikenali sebagai dialek atau loghat daerah. Hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek masing-masing. Kewujudan pelbagai dialek dalam sesuatu bahasa disebabkan oleh beberapa faktor. Umpamanya faktor alam, politik, ekonomi, penjajahan, masa dan cara hidup masyarakat. Keadaan alam semula jadi yang terdiri daripada bukit bukau, hutan rimba, dan sungai yang menjadi rintangan kepada perhubungan antara penduduk dan

faktor politik telah membahagikan Semenanjung Malaysia kepada unit-unit politik yang lebih kecil, yang terdiri daripada negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terangganu. Oleh itu, wujud pula dialek-dialek di setiap negeri tersebut. Namun bagi dialek negeri itu terdapat pula pecahan dialek di daerah di dalam negeri tersebut (Abdul Hamid Mahmud, 1985:131).

Di Malaysia, hampir keseluruhan kajian dialek yang dilakukan tertumpu kepada kajian dialek geografi dan amat sedikit kajian dijalankan berasaskan faktor sosial. Kebanyakan kajian lebih menjurus kepada kajian dialek diskriptif yang lebih rencam sifatnya serta merangkumi aspek yang lebih luas dan dalam pelbagai bidang, selain bidang Linguistik.

KERANGKA MINIMALIS

Program minimalis telah diperkenalkan oleh Chomsky (1995). Program ini mengandaikan bahawa maklumat morfem sesuatu perkataan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang betul. Bagi PM, sesuatu teori itu mesti mampu menjelaskan nahu sesuatu bahasa semiminal yang mungkin. Sesuatu teori itu juga perlulah mencapai kepadaan deskriptif dan kepadaan ekplanatori. Kepadaan deskriptif ialah keupayaan menghuraikan intuisi atau kompetens penutur natif manakala kepadaan eksplanatori pula bukan sahaja mencapai kepadaan deskriptif tetapi juga menganalisisnya. Teori yang mengaplikasikan kedua-dua kepadaan ini dapat dilihat dalam PM.

Program yang digunakan ini dikenali sebagai suatu derivasi. Meskipun derivasi merupakan suatu pendekatan yang berjaya menyelesaikan masalah dalam operasi sintaktik, iaitu operasi pergerakan, yang dikenali sebagai bergerak, ditambah dengan gabung dan bersebelahan (adjoin) kepada objek sintaktik untuk membentuk objek sintaktik yang besar. Contohnya, program ini bermula dengan item leksikal, iaitu kata kerja yang bergabung dengan kata nama bersama dengannya. Kesan daripada penggabungan kata kerja dan kata nama tersebut membentuk objek baharu sintaktik. Objek baharu ini kemudiannya akan digabungkan dengan yang lain dan sebagainya. Setiap aplikasi penggabungan (atau operasi sintaktik yang lain) bergerak ke derivasi, iaitu ke arah hadapan. Pada masa yang sama, derivasi itu berhenti apabila tiada lagi operasi sintaktik yang boleh diaplikasikan. Objek sintaktik pada peringkat terakhir derivasi akan diinterpretasi oleh konsep dan sistem semantik yang terdapat dalam minda.

Leksikon merupakan bersifat universal dan juga himpunan argumen (kata). Susunan leksikon adalah tidak tertib. Leksikon juga dipanggil sebagai butir leksikal. Selepas leksikon ialah numerasi. Numerasi ialah sistem yg berinteraksi antara leksikon dan tahap antaramuka Bentuk-L dan Bentuk-F. Kedudukan antara numerasi dan cetusan dipanggil sebagai sintaksis nyata (overt syntax) manakala kedudukan di antara cetusan dan antaramuka dipanggil sbg sintaksis terselindung (covert syntax). Operasi asas dalam numerasi ialah cantuman (merge). Chomsky membahagikan cantuman kpd operasi cantuman luaran dan cantuman dalaman. Cantuman luaran adalah yg paling asas dlm pembinaan struktur frasa atau struktur argument. Melibatkan percantuman dua objek sintaksis yg berdikari yg diambil dari daftar leksikal. Percantuman ini pula membentuk satu kategori baru atau unit frasa baru yg menjadi dasar kepada pembentukan struktur frasa yang selanjutnya. Cetusan dikenali sebagai 'spell-out'. Hanya fitur yang berinterpretasi sahaja yang melepasi peringkat ini. Bentuk-L pula dikenali sebagai bentuk logik. Bentuk-L dibaca oleh sistem konseptual intensional. Bentuk-L merupakan ayat logik atau mempunyai makna. Bentuk-F pula dikenali sebagai bentuk fonologi. Ia

dibaca oleh sistem persepsi artikulatori. Bentuk-F merupakan ayat tidak logik atau tidak mempunyai makna.

PENYATAAN MASALAH

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (1993), yang bertajuk *Persepsi Murid dan Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Daerah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu*, sememangnya terdapat penggunaan dialek tempatan yang berleluasa semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini mungkin ada kaitannya dengan latar belakang seseorang guru. Beberapa orang guru bahasa Melayu di sesetengah sekolah ialah anak tempatan. Maka, mereka lebih selesa dengan dialek tempatan dan kecenderungan untuk menggunakan bahasa campuran antara dialek dengan bahasa Melayu baku adalah tinggi. Perkara ini secara tidak langsung akan menimbulkan kekaburan makna dan kekeliruan dalam memahami sesuatu konteks yang ingin disampaikan oleh guru terhadap pelajarinya. Selain itu, kebiasaan berbahasa (*language habit*) dalam kalangan pelajar turut menimbulkan masalah. Sebagai contoh, pelajar tempatan akan terbawa-bawa menggunakan dialek tempatan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini akan menyukarkan guru yang bukan dalam kalangan warga tempatan untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan oleh pelajar.

Kajian ini wajar untuk dilakukan secara komprehensif dan betul bagi mendapatkan serta menghasilkan sebuah dapatan kajian yang baik. Hal ini demikian kerana, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti serta mengetahui perbezaan kata yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah yang difokuskan kepada dialek Kedah di Langgar yang berlokasi di Alor Setar, Kedah dengan bahasa Melayu Standard berdasarkan kepada aspek-aspek linguistik seperti analisis sintaksis terhadap perkataan yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti jenis kata kerja yang digunakan dalam dialek Langgar.
2. Menganalisis kata kerja dalam dialek Langgar menggunakan Kerangka Minimalis.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, beberapa alat kajian digunakan iaitu temu bual, soal selidik dan perbandingan dialek Langgar, Alor Setar dengan Bahasa Melayu Standard. Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan data – data tentang cara penyebutan kata dalam dialek Langgar, Alor Setar dengan penutur natif dialek tersebut. Hasil rakaman itu akan ditranskrip dalam bentuk teks. Bagi tujuan memaparkan perbualan tersebut dalam wordpress, perisian aplikasi SoundCloud digunakan. Perisian aplikasi Antconc digunakan untuk memudahkan pencarian data penyebutan kata dalam dialek Langgar, Alor Setar yang telah ditranskripsikan.

Soal selidik digunakan untuk memperkukuhkan tahap kesahihan dan kebolehpercayaan data-data yang diperolehi daripada responden. Soal selidik ini mengandungi 10 soalan. Perisian aplikasi Survey Monkey digunakan untuk membolehkan responden melengkapkan soal selidik secara atas talian.

Bagi mengkaji perbezaan sebutan antara dialek Langgar, Alor Setar dengan Bahasa Melayu Standard, carta IPA digunakan sebagai rujukan. Carta IPA digunakan bagi menentukan setiap perkataan yang dituturi oleh responden itu berbeza dengan Bahasa Melayu Standard. Data – data yang diperolehi akan dianalisis kemudian akan dibandingkan dengan Bahasa Melayu Standard.

SOROTAN KAJIAN

Pengkajian dialek-dialek sesuatu bahasa sangat penting. Apabila jumlah suku-suku bangsa dalam sesuatu negara tidak diketahui kerana tidak pernah dikaji, maka masalah sosial, politik, masalah kebudayaan, masalah ekonomi, masalah kependudukan dan masalah-masalah lain seperti pendidikan akan susah dipecahkan. Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Ibrahim bin Mustapa dan Ibrahim bin Daud (1990) yang bertajuk Analisis Dialek Daerah Kuala Pilah Daripada Aspek Fonologi, kajian ini telah membandingkan dialek Kuala Pilah dengan bahasa Malaysia baku. Didapati terdapat dua kelainan yang ketara apabila perbandingan dibuat iaitu dari aspek pengucapan dan fonem. Beliau turut menyenaraikan fonem dialek Kuala Pilah iaitu sebanyak 28 fonem yang terdiri daripada 7 fonem vokal dan 21 fonem konsonan. Selain itu, kajian ini juga membincangkan mengenai kependekkan kata yang berlaku, penggantian bunyi vokal serta variasi, pengguguran dan penggantian fonem konsonan dalam dialek Kuala Pilah. Kependekkan kata yang diucapkan berlaku melalui beberapa kaedah iaitu rentetan vokal, penghilangan vokal, peleburan vokal, menghilangkan suku kata awal dan vokal kata ganti. Penggantian bunyi vokal dalam dialek Kuala Pilah berlaku apabila kata – kata yang diakhiri oleh fonem VK: /as/ bertukar menjadi fonem VK: /eh/ apabila diujarkan selain fonem VK: /at/ di akhir kata ditukar kepada fonem VK: /εʔ/ dan fonem VK: /is/ di akhir kata ditukar kepada bunyi fonem VK: /ih/. Dalam dialek Kuala Pilah terdapat diftong – diftong /ay/, /aw/ dan /oy/ untuk /ai/, /au/ dan /oi/ dalam bahasa Malaysia baku. Selain itu, terdapat diftong /uy/ yang khusus hadir sebelum fonem konsonan /h/ pada akhir kata. Urutan bunyi /uyh/ ini mempunyai kesejajaran dengan /us/ dalam bahasa Malaysia baku. Dialek Kuala Pilah mempunyai variasi fonem konsonan yang tersendiri di mana hanya fonem seperti /p/, /t/, /b/, /ʔ/, /m/, /n/, /ŋ/, /h/ dan /w/ sahaja yang boleh hadir di akhir kata. Pengguguran fonem konsonan berlaku pada kata – kata tertentu sama ada di awal, di tengah atau di akhir kata. Penggantian fonem konsonan juga turut berlaku di awal, di tengah dan di akhir kata selain penggantian konsonan pinjaman /f/ kepada /p/ dan /x/ kepada /k/.

Selain itu, dalam kajian yang bertajuk Kepelbagaian Dialek Melayu Di Johor: Tinjauan Sistem Vokal Di Sungai Muar James T. Collins (1992) terdapat enam fonem vokal oral yang wujud iaitu dua fonem depan, dua fonem tengah dan dua fonem belakang. Yang paling rendah vokal tengah /a/, sekiranya dibandingkan dengan vokal rendah yang lain iaitu /e/ dan /o/. Selain /a/, terdapat sebuah vokal tengah yang lain: /ə/, vokal tengah madya. Fonem /i/ dan /u/ wujud juga dimana kedua – duanya tinggi dan masing – masing terletak pada titik artikulasi depan dan belakang. Melalui kajian ini, pembincangan fonem vokal dibahagikan kepada empat tajuk iaitu Vokal Depan, Vokal Belakang, Vokal Tengah dan Diftong.

Hasil kajian daripada Norizan Rajak (2002) tentang Kemunculan Kata Preposisi Dialek Kedah Suatu Analisis Pentatabahasa di mana huraian mengenai pentatabahasa kata preposisi daripada kata kerja bersiri dibuat. Kajian ini telah memperlihatkan perkembangan beberapa kata preposisi yang nyatanya terbit daripada kata kerja proximity yang berada dalam struktur bersiri dengan menggunakan teori pentatabahasa dan hipotesis satu arah. Penelitian dikhususkan kepada dua kata preposisi dialek

Kedah iaitu ‘kat’ dan ‘kot’. Kata preposisi ‘kat’ telah melalui proses pentatabahasaan yang berhaluan dekat (kata kerja) > dekat (kata preposisi) > kat (kata preposisi) apabila perkembangan semantik lebih mendahului perubahan morfem melalui proses peringkasan fonologi. Di samping itu, ‘ikut’ sebagai kata kerja dan ‘kot’ sebagai kata preposisi adalah bentuk yang polisemi dalam dialek Kedah. Kata ini mempunyai fungsi yang berlainan dalam nahuhan tetapi pada dasarnya mempunyai satu bentuk dan erasal dari satu sumber, iaitu kata kerja ‘ikut’. Melalui kajian ini beliau turut menjelaskan sebab berlakunya pentatabahasaan.

Dalam buku Asmah Haji Omar (2008) yang bertajuk *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*, beliau telah mengkaji dialek Melayu di kawasan semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Brunei serta dialek Melayu yang dituturkan oleh orang – orang asli dengan menggunakan analisis fonologi. Salah satu bab di dalam buku ini menyentuh mengenai dialek Kedah yang dituturkan dari Perlis sampai ke Perak Utara. Kajian ini memfokuskan kepada kajian subdialek Kedah Persisiran dan perbandingan antara subdialek tersebut dengan subdialek yang lain seperti subdialek Kedah Utara dan subdialek Perlis-Langkawi berdasarkan sistem vokal dan konsonan. Selain itu, perbandingan antara dialek Kedah dengan dialek Petani Sik serta perbandingan antara subdialek – subdialek Kedah dengan dialek Petani Baling turut dibuat berdasarkan sistem vokal dan konsonan masing – masing.

Pengkajian mengenai pemahaman terhadap sesuatu leksikal dalam dialek bahasa Melayu bahkan dialek bahasa-bahasa lain bukanlah sesuatu kajian yang baru dalam kalangan ahli bahasa. Namun begitu, kajian yang meneliti tahap pemahaman DK yang melibatkan dua kawasan kajian yang berlainan negara masih kurang diteliti oleh pengkaji lain. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat pengetahuan dan pemahaman DK yang melibatkan kajian di Langgar, Kedah.

Kajian yang melibatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu leksikal atau bidang ini penting kerana Chomsky (1965) pernah menyatakan bahawa, “We thus make a fundamental distinction between competence (the speaker-hearer’s knowledge of his language) and performance (the actual use of language in concrete situation)”. Competence dalam kata-kata Chomsky merujuk kepada pengetahuan, manakala performance pula merujuk kepada pemahaman dalam penggunaan bahasa dalam situasi sebenar.

Semua kajian yang dikemukakan telah banyak memberi sumbangan yang berharga kepada kosa ilmu fonologi dialek Melayu Kedah. Walaupun terdapat kajian lepas yang meneliti dialek Melayu Kedah dengan menggunakan analisis fonologi, penelitian yang dibuat lebih kepada subdialek – subdialek Kedah dan perbandingan antara subdialek. Oleh yang demikian, bagi mengisi kelompongan adalah menjadi kewajaran bagi pengkaji menganalisis dialek Melayu Kedah dengan mengkhususkan kepada dialek Langgar, Alor Setar dan seterusnya membuat perbandingan antara dialek tersebut dengan Bahasa Melayu Standard.

DAPATAN & PERBINCANGAN

ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif ini merupakan bahagian yang akan menepati objektif kajian ini iaitu mengenal pasti struktur frasa kerja yang wujud dalam dialek Langgar, Alor Setar Kedah serta mengkategorikan frasa kerja dialek Utara transitif dan frasa kerja dialek Utara tak transitif. Bahagian ini menghuraikan data secara luaran. Analisis deskriptif ini akan menganalisis binaan ayat. Seterusnya analisis binaan frasa kerja pula akan dibahagikan kepada dua iaitu analisis berkenaan frasa kerja transitif dan frasa kerja tak transitif.

Ayat dalam Dialek Utara.

Susunan ayat dari dialek ke dialek dari segi bahagian-bahagian yang mendirikannya seperti Subjek-Predikat-Objek, Pelaku-Perbuatan-Pelengkap, dan Judul-Cerita, yang pada amnya sama (Asmah Haji Omar) .Di dalam ayat wujudnya posisi subjek , kata kerja dan objek.

Frasa Kerja Dialek Utara

Frasa kerja dialek Utara boleh dibahagikan kepada dua iaitu frasa kerja transitif dan frasa kerja tak transitif. Kata kerja transitif dan tak transitif boleh diketahui melalui sifat kata kerja yang mendasarinya. Kata kerja yang memerlukan objek atau pelengkap merupakan kata kerja transitif manakala kata kerja yang tidak memerlukan objek ialah kata kerja tak transitif.

Frasa Kerja Transitif

Frasa kerja transitif adalah terdiri daripada perbuatan yang dilakukan oleh pembuatnya kepada kata nama lain. Ayat yang mempunyai kata kerja transitif memerlukan objek. Kata kerja transitif adalah kata kerja yang mempunyai perbuatan yang dilakukan oleh pelaku dan perbuatan itu dideritai oleh sesuatu objek (Abdullah Hassan, 2006). Oleh hal yang demikian, kata kerja transitif dapat dipasifkan, iaitu objek penderita perbuatan dapat dikhususkan sebagai subjek ayat. Sesuatu ayat menjadi tidak gramatis sekiranya penyambut tidak hadir pada belakang kata kerja di dalam binaan frasa kerja tersebut.

ANALISIS TEORITIKAL

Analisis teoritikal merupakan huraian kepada data yang diperolehi daripada dialek Langgar, Kedah. Analisis ini akan menghurai secara data secara rajah pohon dengan menggunakan Kerangka Minimalis. Analisis teoritikal ini terbahagi kepada tiga iaitu analisis sintaksis frasa kerja transitif dan frasa kerja tak transitif.

Analisis Teoritikal Frasa Kerja Transitif

Analisis deskriptif telah memperlihatkan bentuk frasa kerja transitif. Analisis frasa kerja transitif ini memerlukan objek atau penerang untuk melengkapkan makna ayat. Untuk bahagian ini, pengkaji akan menganalisis data berdasarkan kepada senarai dalam bahagian pengenalan data. Data-data yang telah disenaraikan akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan Kerangka Teori Minimalis.

Hasil kajian yang telah pengkaji perolehi daripada hasil temubual yang telah dilakukan terhadap seorang responden yang merupakan penutur natif dialek Melayu Kedah ini telah memberikan data yang diinginkan oleh pengkaji. Responden merupakan penutur natif dialek tersebut, oleh itu, dapat

dibuktikan bahawa data-data yang diperoleh daripada merupakan suatu data yang sah serta benar. Menerusi kaedah temubual ini, pengkaji telah memilih aspek berdasarkan kepada kajian yang pengkaji lakukan iaitu terhadap bidang semantik, di mana pengkaji memilih untuk melihat serta menghurai makna-makna yang terdapat dalam perkataan-perkataan dalam dialek Melayu Kedah tersebut yang memiliki makna yang berbeza dalam bahasa Melayu Standard. Data-data yang diperoleh adalah berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang telah pengkaji senaraikan dan diungkapkan oleh responden.

SEMANTIK

Pengertian atau konsep bagi semantik ini telah diperkenalkan pertama kali iaitu sekitar abad ke-19. Kata semantik berasal dari bahasa Yunani 'semantikos' yang bermaksud tanda atau lambang (sign). Selain itu, menurut Chaer pada tahun 1994:2 yang menjelaskan mengenai kata semantik dapat diertikan sebagai ilmu tentang makna atau erti iaitu salah satu dari tiga kaedah analisis bahasa yang merangkumi bidang fonologi, gramatika, dan semantik. Wijaya (1996:1), Semantik adalah disiplin ilmu bahasa yang menelaah makna satuan yang merangkumi makna leksikal dan juga makna gramatikal dan Darmojuwono (2005:114) menyatakan semantik merupakan bidang linguistik yang mempelajari makna tanda bahasa yang memiliki unsur lambang bunyi dan konsep. Misalnya, kata buku yang terdiri daripada unsur lambang bunyi [b-u-k-u] yang berkonsepkan benda atau objek yang dinamakan buku. Jadi, semantik adalah ilmu yang mempelajari hubungan antara tanda-tanda linguistik dengan hal-hal yang ditandainya; atau salah satu cabang linguistik yang mengkaji tentang makna bahasa (Hurford, 1984:1).

HASIL KAJIAN

RESPONDEN

Latar belakang responden, pengkaji telah menemu bual responden yang berasal dari Langgar, Kedah. Responden merupakan anak kelahiran yang berasal dan merupakan anak jati negeri tersebut dah menetap di Langgar, Kedah. Pengkaji telah menemubual responden dengan mengemukakan beberapa perkataan atau kata dengan meminta responden untuk menyebut perkataan-perkataan tersebut dalam dialek Melayu Kedah. Justeru, data yang diperoleh pengkaji telah menganalisis data-data tersebut berdasarkan bidang Semantik.

DATA KAJIAN

JADUAL 1 : PERBANDINGAN PERKATAAN DIALEK LANGGAR DENGAN BAHASA MELAYU STANDARD

| BIL. | PERKATAAN DALAM DIALEK | PERKATAAN DALAM BAHASA MELAYU |
|------|------------------------|-------------------------------|
| 1 | KETEGAQ | DEGIL |
| 2 | KALUT | TERBURU-BURU / CEPAT |
| 3 | MELUAT | MENYAMPAH |
| 4 | GOY | GAUL / MENGAUL |
| 5 | SERIAU | RISAU / KERISAUAN |
| 6 | PAYAH | SUSAH |
| 7 | KENAT | KIANAT |
| 8 | KELAT | PAHIT |
| 9 | PULUN | BERUSAHA |
| 10 | TOLA | TUALA |
| 11 | AWAT | KENAPA? / PERSOALAN |
| 12 | LOK LAQ | TIDAK SENONOH |
| 13 | DEPA | MEREKA |
| 14 | TAK TAU | TIDAK MENGETAHUI / TIDAK TAHU |
| 15 | TOAN | TAHUN |

HURAIAN DATA

Bahagian ini akan membincangkan serta menghurai makna-makna perkataan daripada data-data kajian yang telah pengkaji prolehi daripada responden. Terdapat 15 kata atau perkataan yang telah pengkaji senaraikan serta perkataan tersebut memiliki makna-makna yang tertentu.

- ketegaq – merupakan kata yang berasal dari dialek Melayu Kedah dan memiliki makna yang sama dalam bahasa Melayu Standard. Kata ini membawa makna “degil / tidak mendengar cakap”.
- kalut – perkataan ini juga kata yang berasal dalam dialek Melayu Kedah yang membawa makna “terburu-buru / cepat”. Perkataan kalut ini sering digunakan oleh penutur dialek Kedah dalam berkomunikasi untuk melambangkan sikap seseorang individu.
- meluat – perkataan ini membawa maksud “menyampah / tidak suka”. Kata ini akan dituturkan oleh penutur bagi menandakan penutur tidak menyukai akan sesuatu perbuatan atau perlakuan tersebut.
- goy – perkataan ini dalam bahasa Melayu standard membawa serta memiliki makna “gaul / mengaulkan / sebatikan”. Perkataan ini sering digunakan oleh penutur-penutur dialek Melayu Kedah terutama dalam perbuatan memasak iaitu untuk mengadunkan segala adunan masakan.
- seriau – kata ini membawa maksud “risau / gelisah / tidak menyenangkan”. Kata ini sering digunakan untuk menggambarkan perasaan atau emosi seseorang penutur tersebut.

- payah – kata ini membawa makna “susah / tidak senang / sukar”. Kata payah ini juga digunakan untuk menerangkan tentang suatu kesukaran.
- kenat – kata ini juga memiliki makna yang sama dengan bahasa Melayu standard, namun terdapat sedikit perbezaan dari segi ejaan kata tersebut. Oleh itu kata ini membawa maksud “mengkhianati / kianat”.
- kelat – perkataan ini membawa maksud “pahit” yang digunakan untuk menerangkan suatu rasa.
- pulun – kata ini membawa maksud semangat iaitu “berusaha”.
- tola – kata ini membawa maksud suatu benda iaitu “tuala”.
- awat – kata ini membawa makna yang menunjukkan persoalan atau tanda Tanya iaitu “kenapa?”.
- lok laq – kata ini juga membawa makna sesuatu perbuatan yang memberikan gambaran yang “tidak senonoh”.
- depa – kata ini membawa maksud “mereka” yang digunakan untuk menerangkan sesuatu kumpulan orang yang sedang berbual atau bercakap.
- tak tau – perkataan ini membawa makna “tidak tahu / tidak mengetahui / tidak memahami”. Kata ini sering digunakan oleh penutur dialek Kedah sebagai penerang kepada sesuatu perkara yang tidak diketahui.
- toan – perkataan yang membawa maksud “tahun”. Tahun ini juga membawa makna suatu peredaran masa.

KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini dilakukan adalah berfokuskan kepada penutur natif dialek Melayu Kedah terutama yang menetap di Langgar. Langgar merupakan sebuah kawasan yang berada dibawah daerah Kota Setar. Dialek Langgar Kedah ini adalah sedikit berbeza daripada dialek-dialek yang terdapat dalam negeri Kedah ini. Justeru, dialek Langgar Kedah ini telah menarik minat pengkaji untuk melihat makna-makna yang terdapat dalam perkataan-perkataan yang telah dipilih oleh pengkaji untuk dianalisis dengan menggunakan bidang Semantik sebagai bidang kajian pengkaji. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa, terdapat sedikit perbezaan makna dalam perkataan dialek Melayu Kedah dengan Bahasa Melayu Standard.

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan terhadap dialek Melayu Kedah ini. Namun, masih terlalu kurang kajian yang dilakukan terhadap bidang Semantik terutama dalam dialek Melayu Kedah. Oleh itu, adalah menjadi kewajaran kepada saya untuk menjadikan kajian ini sebagai sebuah kajian yang menarik untuk dikaji.

Sumbangan kajian ini adalah dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang perkataan atau kata yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah yang memiliki makna serta sebutan yang berbeza dengan bahasa Melayu Standard. Seterusnya, sumbangan kajian yang kedua adalah untuk menghuraikan makna kata atau dalam dialek Melayu Kedah yang memiliki makna yang sedikit berbeza dengan makna dalam bahasa Melayu Standard.

Oleh itu, sebagai rumusan kepada kajian pengkaji ini dapat disimpulkan bahawa terdapat sedikit perbezaan makna antara dialek Langgar Kedah dengan bahasa Melayu Standard. Justeru, diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk memberi pendedahan secara terperinci mengenai makna yang terdapat dalam dialek Melayu Kedah ini.

PENGHARGAAN

Disini, penulis ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang telah banyak membantu penulis dalam usaha menyiapkan penulisan jurnal dan juga tidak ketinggalan cadangan dan pandangan kepada penulis.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden dari Langgar yang terlibat dan telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam mengakhiri penulisan ini sama ada terlibat secara langsung atau tidak.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. 1985. Bahagian 2 “Ciri-ciri Dialek Kelantan Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Standard”. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood. (1993). Guru dan bahasa Melayu. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). Susur galur bahasa Melayu. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1983. Dialek Ulu Terengganu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1986). Antologi kajian dialek Melayu. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N. (1995). Minimalist Program. Cambridge: MIT Press.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. 1993. Simposium Dialek Penyelidikan dan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011). Kata soal ‘bila’ dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. GEMA 11(1), 69-80.
- Idris Aman & Mohammed Azlan Mis. (2016). Variasi Bahasa. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Mohd Ra’in Shaari. (2009). Kata bantu bahasa Melayu: Analisis data korpus berkomputer. <https://pustaka2.upsi.edu.my/index/> [10 Disember 2019].
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad (2017). Kata soal dalam Dialek Perlis. Jurnal Akademika, 87(1), 177-187.
- Meillet, A. (1967). Comparative method in historical linguistics. Evanston, Adler’s Foreign Books.
- Mario, A. P. & Gaynor, F. (1960). A dictionary of linguistics. New Jersey, Adam & co.